Kalendar Peristiwa
April – Jun 2003

7 April 2003
Bank melancarkan Program Duit Syiling dalam Pendidikan untuk menggalakkan kesedaran dan memupuk minat mengumpul duit syiling di kalangan generasi muda Malaysia. Bagi tahun pertama, sebanyak 12 keping syiling yang menggambarkan spesis haiwan terancam di Malaysia akan dikeluarkan.

28 April 2003
Bank menerbitkan Laporan Tahunan Insurans dan Laporan Tahunan Takaful 2002 yang mengandungi analisa prestasi dan perkembangan industri insurans dan takaful pada tahun 2002.

8 Mei 2003
Gabenor melancarkan Program Galakan Perbankan dan Pembayaran Secara Elektronik anjuran Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia (ABM). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap cara baru yang lebih efisien dalam menjalankan urusniaga perbankan dan pembayaran.

19 Mei 2003
Bank mengumumkan penubuhan Unit Khas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai sebahagian daripada langkah-langkah berterusan untuk memastikan PKS dan usahawan yang berdaya maju merangkumi ke semua sektor terus memperoleh kemudahan pembiayaan kewangan.

21 Mei 2003
Kerajaan telah mengumumkan pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion bertujuan untuk menjana aktiviti ekonomi melalui penggunaan sumber pertumbuhan domestik, di samping mengurangkan pergantungan negara kepada sektor luaran. Pengumuman ini dibuat dalam suasana ketidaktentuan berikutan perkembangan geopolitik semasa serta kesan wabak SARS. Daripada 90 langkah-langkah yang diumumkan, antaranya ialah:

- Peruntukan RM1 bilion bagi skim kredit mikro untuk perniagaan kecil;
- Peruntukan tambahan RM1 bilion bagi Tabung Untuk Makanan;
- Peruntukan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas sebanyak RM1 bilion bagi mengurangkan masalah aliran tunai kepada perniagaan yang terjejas akibat wabak SARS;
- Pengurangan kadar caruman KWSP pekerja sebanyak 2% selama setahun; dan
- Pengecualian sementara cukai perkhidmatan kepada hotel dan restoran sehingga penghujung tahun 2003.

Bagi memperkukuh keberkesanan langkah-langkah baru ini, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar campur tangan 3 bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%.

28 Mei 2003
Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang 4% pada suku pertama tahun 2003, sementara mengekalkan unjuran kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5%.

2 Jun 2003
Sebelas bank pusat dan pihak berkuasa monetari dalam Kumpulan EMEAP (Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik) membuat pengumuman bersama pelancaran Dana Bon Asia berjumlah AS$1 bilion. Pelancaran dana ini merupakan langkah penting dalam hubungan kerjasama serantau yang bertujuan untuk menggalakkan pasaran bon serantau serta akan membantu, antara lainnya, penyaluran semula sebahagian kecil rizab rasmi ekonomi negara-negara Asia ke rantau ini.